**ARTIKEL PROGRAM WEBINAR SIRI 3 : KENALI, SAYANGI DAN LESTARIKAN WARISAN KITA**

**DISEDIAKAN OLEH :**
**CAWANGAN SENI HALUS DAN KRAF**
**BAHAGIAN WARISAN TIDAK KETARA**

Pada 01 September 2021, Bahagian Warisan Tidak Ketara, Jabatan Warisan Negara telah menganjurkan Webinar Siri – 3 yang bertajuk Kenali, Sayangi dan Lestraikan Warisan Kita bermula jam 10.00 hingga 12.00 tengah hari. Webinar ini telah disiarkan secara langsung melalui *Facebook* Jabatan Warisan Negara.

Penganjuran webinar siri 3 ini telah menampilkan tiga (3) panel jemputan iaitu Encik Eddin Khoo, Cik Netra Nitiarin Suksai Siri dan Cik Alena Murang. Manakala moderator webinar ini ialah YBrs. Dr. Tan Awang Besar, Setiausaha Bahagian Dasar Kebudayaan, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC). Para panel jemputan merupakan penyelidik, pengkaji dan penggiat seni yang mempunyai pengalaman, pengetahuan dan kepakaran luas berkaitan dengan topik yang dibincangkan.

Antara topik yang diketengahkan dalam Webinar Kenali, Sayangi dan Lestarikan Warisan Kita adalah mengenai peranan masyarakat dalam melestarikan warisan budaya kepada masyarakat umum, serta peranan anak muda dalam meneruskan perjalanan seni tradisi ini. Di samping itu, webinar ini merupakan wadah mengetengahkan keunikan seni tradisi masyarakat peribumi yang masih belum diketahui oleh masyarakat dalam dan luar negara. Di akhir sesi webinar ini penonton disajikan dengan persembahan khas secara langsung nyanyian diringi petikan sape daripada cik Alena Murang.

Rakaman penuh webinar ini boleh ditonton melalui laman *website (http://www.heritage.gov.my/berita-jwn-full/502-2021-08-25-01-37-35.html)* dan *facebook (https://www.facebook.com/Jabatanwarisannegara/videos/154811816797579)* rasmi Jabatan Warisan Negara.

## LAMPIRAN BERGAMBAR







Moderator : YBrs. Dr Tan Awang Besar




Panel 1 : Encik Eddin Khoo




Panel 2 : Cik Netra Nitiarin Suksai binti Siri




Panel 3 : Cik Alena Murang

Komen dari pelayar






Komen dari pelayar




